

D.R. 7/2015

RANG UNDANG-UNDANG

b e r n a m a

Suatu Akta untuk meminda Akta Kesalahan Keselamatan (Langkah-Langkah Khas) 2012.

[]

DIPERBUAT oleh Parlimen Malaysia seperti yang berikut:

Tajuk ringkas dan permulaan kuat kuasa

1. (1) Akta ini bolehlah dinamakan Akta Kesalahan Keselamatan (Langkah-Langkah Khas) (Pindaan) 2015.

(2) Akta ini mula berkuat kuasa pada tarikh yang ditetapkan oleh Menteri melalui pemberitahuan dalam *Warta*.

Pindaan seksyen 5

2. Akta Kesalahan Keselamatan (Langkah-Langkah Khas) 2012 [*Akta 747*], yang disebut “Akta ibu” dalam Akta ini, dipinda dalam perenggan 5(1)(b) dalam teks bahasa Inggeris dengan menggantikan perkataan “persons” dengan perkataan “person”.

Pindaan seksyen 6

3. Subseksyen 6(1) Akta ibu dipinda dengan memasukkan selepas perkataan “pegawai polis” perkataan “atau mana-mana orang lain”.

Pindaan seksyen 13

4. Subseksyen 13(2) Akta ibu dipinda dengan memasukkan selepas perkataan “[Akta 574]” perkataan “dan Akta Langkah-Langkah Khas Menentang Keganasan di Luar Negara 2015 [Akta ...]”.

Pindaan seksyen 14

5. Seksyen 14 Akta ibu dipinda dengan memasukkan selepas subseksyen (2) subseksyen yang berikut:

“(2A) Mahkamah hendaklah memberitahu pihak pendakwaan mengenai keputusannya untuk melindungi identiti saksi itu dalam masa tujuh hari dari siasatan itu.

(2B) Dalam masa tujuh hari dari keputusan itu, pihak pendakwaan boleh merayu terhadap penolakan oleh mahkamah untuk melindungi identiti saksi itu.”.

Seksyen baru 18A dan 18B

6. Akta ibu dipinda dengan memasukkan selepas seksyen 18 seksyen yang berikut:

“Pernyataan tertuduh

18A. Apa-apa pernyataan oleh seseorang tertuduh sama ada secara lisan atau bertulis kepada mana-mana orang pada bila-bila masa hendaklah boleh diterima sebagai keterangan.

Komunikasi semasa perkahwinan

18B. (1) Seseorang yang sedang atau pernah berkahwin terpaksa menzahirkan apa-apa komunikasi yang dibuat kepadanya semasa perkahwinan itu oleh mana-mana orang yang masih atau pernah dikahwininya.

(2) Orang sedemikian hendaklah dibenarkan untuk menzahirkan apa-apa komunikasi tersebut walaupun orang yang membuat komunikasi itu tidak memberi kebenaran.”.

Penggantian seksyen 20

7. Akta ibu dipinda dengan menggantikan seksyen 20 dengan seksyen yang berikut:

“Dokumen atau benda yang disita atau walau bagaimana jua sekalipun diperoleh

20. Semua dokumen atau benda yang disita atau walau bagaimana jua sekalipun diperoleh sama ada sebelum atau selepas seseorang telah dipertuduh atas suatu kesalahan keselamatan dan kandungan dokumen atau benda itu hendaklah boleh diterima sebagai keterangan.”.

Penggantian seksyen 22

8. Akta ibu dipinda dengan menggantikan seksyen 22 dengan seksyen yang berikut:

“Senarai dokumen dan benda

22. Mana-mana senarai dokumen dan benda yang disita atau walau bagaimana jua sekalipun diperoleh sama ada sebelum atau selepas seseorang telah dipertuduh atas kesalahan keselamatan hendaklah boleh diterima sebagai keterangan di mahkamah untuk membuktikan kewujudan dokumen dan benda yang disita atau diperoleh itu, mengikut mana-mana yang berkenaan, yang tidak dikemukakan di mahkamah oleh sebab sifat dokumen dan benda itu.”.

Penggantian seksyen 24

9. Akta ibu dipinda dengan menggantikan seksyen 24 dengan seksyen yang berikut:

“Kebolehterimaan komunikasi yang dipintas dan maklumat pemantauan, penjejakan atau pengawasan

24. (1) Jika seseorang dipertuduh atas suatu kesalahan keselamatan, apa-apa maklumat yang diperoleh melalui pemintasan komunikasi di bawah seksyen 6 sama ada sebelum

atau selepas orang itu dipertuduh hendaklah, tertakluk kepada subseksyen (2), boleh diterima sebagai keterangan semasa perbicaraannya.

(2) Maklumat yang diperoleh melalui pemintasan komunikasi di bawah seksyen 6 hanya boleh diterima jika dikemukakan melalui suatu perakuan oleh Pendakwa Raya yang menyatakan bahawa maklumat yang diperoleh sedemikian telah dibenarkan oleh Pendakwa Raya.

(3) Suatu perakuan oleh Pendakwa Raya yang dikeluarkan di bawah subseksyen (2) bersama-sama dengan apa-apa dokumen atau benda yang diekshibitkan atau dilampirkan kepada perakuan itu hendaklah menjadi keterangan muktamad bahawa pemintasan komunikasi itu telah dibenarkan sedemikian, dan perakuan itu hendaklah boleh diterima sebagai keterangan tanpa bukti tandatangan Pendakwa Raya.

(4) Tiada seorang pun atau pegawai polis berada di bawah apa-apa kewajipan, obligasi atau liabiliti atau dengan apa-apa cara boleh dipaksa untuk menzahirkan dalam apa-apa prosiding mengenai tatacara, kaedah, cara atau jalan atau peranti yang digunakan berkenaan dengan—

- (a) apa-apa jua yang dilakukan di bawah seksyen 6; dan
- (b) apa-apa perkara yang berhubungan dengan pemantauan, penjejakan atau pengawasan mana-mana orang.

(5) Maklumat yang diperoleh melalui komunikasi yang dipintas di bawah seksyen 6 boleh dalam bentuk naratif atau kata demi kata sama ada dalam bahasa asal atau sebagai terjemahan ke dalam bahasa kebangsaan atau bahasa Inggeris.”.

Pindaan Jadual Pertama

10. Jadual Pertama kepada Akta ibu dipinda dengan memasukkan selepas butiran “Akta Antipemerdagangan Orang dan Antipenyeludupan Migran 2007 [Akta 670]” dan butir-butir yang berhubungan dengannya butiran yang berikut:

“Akta Langkah-Langkah Khas Menentang Keganasan di Luar Negara 2015 [Akta...]”.

HURAIAN

Rang Undang-Undang ini bertujuan untuk meminda Akta Kesalahan Keselamatan (Langkah-Langkah Khas) 2012 (“Akta 747”).

2. *Fasal 1* mengandungi tajuk ringkas dan peruntukan mengenai permulaan kuat kuasa Akta yang dicadangkan.
3. *Fasal 4* dan *10* masing-masing bertujuan untuk meminda seksyen 13 Akta 747 dan Jadual Pertama untuk membenarkan peruntukannya terpakai bagi Akta Langkah-Langkah Khas Menentang Keganasan di Luar Negara 2015.
4. *Fasal 5* bertujuan untuk meminda seksyen 14 Akta 747 untuk memperjelas kewajipan mahkamah untuk memberitahu pihak pendakwaan mengenai keputusannya berhubung dengan permohonan pihak pendakwaan untuk melindungi identiti saksi dalam masa tujuh hari dari siasatan. *Fasal* itu juga mengadakan peruntukan bagi rayuan oleh pihak pendakwaan jika mahkamah menolak permohonan itu.
5. *Fasal 6* bertujuan untuk memasukkan seksyen baru 18A dan 18B ke dalam Akta 747. Seksyen 18A memperuntukkan bahawa bagi kes kesalahan keselamatan, pernyataan seseorang tertuduh yang dibuat pada bila-bila masa hendaklah boleh diterima sebagai keterangan. Seksyen 18B memperuntukkan bahawa seseorang suami atau isteri terpaksa menzahirkan apa-apa komunikasi yang dibuat kepadanya semasa perkahwinan oleh mana-mana orang yang masih atau pernah dikahwininya.
6. *Fasal 7* dan *8* masing-masing bertujuan untuk menggantikan seksyen 20 dan 22 Akta 747 untuk memperuntukkan kebolehterimaan dokumen atau benda yang disita atau walau bagaimana jua sekalipun diperoleh sama ada sebelum atau selepas seseorang telah dipertuduh atas suatu kesalahan keselamatan dan kebolehterimaan senarai penggeledahan dokumen dan benda itu.
7. *Fasal 9* bertujuan untuk menggantikan seksyen 24 Akta 747 untuk meluaskan peruntukan mengenai kebolehterimaan komunikasi yang dipintas dan maklumat pemantauan, penjejakan dan pengawasan.
8. Pindaan lain yang tidak diperkatakan secara khusus dalam Huraian ini merupakan pindaan kecil atau berbangkit.

IMPLIKASI KEWANGAN

Rang Undang-Undang ini tidak akan melibatkan Kerajaan dalam apa-apa perbelanjaan wang tambahan.

[PN(U2)2974]

A BILL

i n t i t u l e d

An Act to amend the Security Offences (Special Measures) Act 2012.

[]

ENACTED by the Parliament of Malaysia as follows:

Short title and commencement

1. (1) This Act may be cited as the Security Offences (Special Measures) (Amendment) Act 2015.

(2) This Act comes into operation on a date to be appointed by the Minister by notification in the *Gazette*.

Amendment of section 5

2. The Security Offences (Special Measures) Act 2012 [*Act 747*], which is referred to as the “principal Act” in this Act, is amended in paragraph 5(1)(b) in the English language text by substituting for the word “persons” the word “person”.

Amendment of section 6

3. Subsection 6(1) of the principal Act is amended by inserting after the words “police officer” the words “or any other person”.

Amendment of section 13

4. Subsection 13(2) of the principal Act is amended by inserting after the words “[Act 574]” the words “and the Special Measures Against Terrorism in Foreign Countries Act 2015 [Act ...]”.

Amendment of section 14

5. Section 14 of the principal Act is amended by inserting after subsection (2) the following subsections:

“(2A) The court shall notify the prosecution of its decision to protect the identity of the witness within seven days of the inquiry.

(2B) Within seven days of the decision, the prosecution may appeal against a refusal by the court to protect the identity of the witness.”.

New sections 18A and 18B

6. The principal Act is amended by inserting after section 18 the following sections:

“Statement by accused

18A. Any statement by an accused whether orally or in writing to any person at any time shall be admissible in evidence.

Communications during marriage

18B. (1) A person who is or has been married shall be compelled to disclose any communication made to him during marriage by any person to whom he is or has been married.

(2) Such person shall be permitted to disclose any such communication notwithstanding that the person who made it does not consent.”.

Substitution of section 20

7. The principal Act is amended by substituting for section 20 the following section:

“Documents or things seized or howsoever obtained

20. All documents or things seized or howsoever obtained whether before or after a person has been charged for a security offence and the contents of the documents or things shall be admissible as evidence.”.

Substitution of section 22

8. The principal Act is amended by substituting for section 22 the following section:

“Lists of documents and things

22. Any list of documents and things seized or howsoever obtained whether before or after a person has been charged for a security offence shall be admissible as evidence in court to prove the existence of the documents and things seized or obtained, as the case may be, that were not produced in court due to the nature of the documents and things.”.

Substitution of section 24

9. The principal Act is amended by substituting for section 24 the following section:

“Admissibility of intercepted communication and monitoring, tracking or surveillance information

24. (1) Where a person is charged for a security offence, any information obtained through an interception of communication under section 6 whether before or after such person is charged shall, subject to subsection (2), be admissible at his trial in evidence.

(2) The information obtained through an interception of communication under section 6 shall only be admissible where tendered under a certificate by the Public Prosecutor stating that the information so obtained had been authorized by the Public Prosecutor.

(3) A certificate by the Public Prosecutor issued under subsection (2) together with any document or thing that may be exhibited or annexed to the certificate shall be conclusive evidence that the interception of communication had been so authorized, and such certificate shall be admissible in evidence without proof of signature of the Public Prosecutor.

(4) No person or police officer shall be under any duty, obligation or liability or be in any manner compelled to disclose in any proceedings the procedure, method, manner or the means or devices used with regard to—

(a) anything done under section 6; and

(b) any matter relating to the monitoring, tracking or surveillance of any person.

(5) The information obtained through an intercepted communication under section 6 may be in narrative or verbatim form whether in the original language or as a translation into the national language or the English language.”.

Amendment of First Schedule

10. The First Schedule to the principal Act is amended by inserting after the item “Anti-Trafficking in Persons and Anti-Smuggling of Migrants Act 2007 [Act 670]” and the particulars related to it the following item:

“Special Measures Against Terrorism in Foreign Countries Act 2015 [Act ...]”.

EXPLANATORY STATEMENT

This Bill seeks to amend the Security Offences (Special Measures) Act 2012 ("Act 747").

2. *Clause 1* contains the short title and provision on the commencement of the proposed Act.
3. *Clauses 4* and *10* seek to amend section 13 of Act 747 and the First Schedule respectively to allow their provisions to be applicable to the Special Measures Against Terrorism in Foreign Countries Act 2015.
4. *Clause 5* seeks to amend section 14 of Act 747 to clarify the duty of the court to notify the prosecution of its decision on the prosecution's application to protect the identity of the witness within seven days of the inquiry. The *clause* also provides for appeal by the prosecution where the court refuses the application.
5. *Clause 6* seeks to introduce new sections 18A and 18B into Act 747. Section 18A provides that in security offence cases, statements of an accused made at any time are admissible in evidence. Section 18B provides that a spouse shall be compelled to disclose any communication made to him during marriage by any person to whom he is or has been married.
6. *Clauses 7* and *8* seek to substitute sections 20 and 22 of Act 747 respectively to provide for the admissibility of documents or things seized or howsoever obtained whether before or after a person has been charged for a security offence and the admissibility of the search list of such documents and things.
7. *Clause 9* seeks to substitute section 24 of Act 747 to expand the provision on admissibility of intercepted communication and monitoring, tracking and surveillance information.
8. Other amendments not specifically mentioned in this Statement are minor or consequential in nature.

FINANCIAL IMPLICATIONS

This Bill will not involve the Government in any extra financial expenditure.

[PN(U2)2974]